

31/08/2002

Pengisian kemerdekaan tanggungjawab semua rakyat

PERANGKAAN terkini menunjukkan lebih 77 peratus rakyat Malaysia hari ini berusia di bawah 40 tahun. Ringkasnya, tiga perempat rakyat lahir selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Tanpa mengalami sendiri kepayahan pada zaman penjajah melainkan melalui cerita golongan lebih tua atau pembacaan sejarah, kemerdekaan kian tidak dihayati kerana dilalaikan oleh serba-serbi yang sudah lengkap. Untuk mengibarkan bendera kebangsaan sempena sambutan ulang tahun hari bersejarah itu pun, sebilangan besar rakyat terpaksa dirayu dan diperingatkan. Lebih malang, wujud bibit-bibit perpecahan, sifat iri hati antara kaum dan kebencian terhadap pemerintah yang lambat-laun akan menghakis nikmat kemerdekaan yang dikecapi selama ini jika tidak ditangani dengan sebaik mungkin.

Adalah amat malang apabila nikmat kemerdekaan yang sepatutnya mencelikkan mata rakyat, sebaliknya mengaburi pandangan sebilangan daripada mereka. Benarlah seperti yang ditegur Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi perutusannya malam tadi bahawa makna kemerdekaan sudah semakin kurang difahami dan dihargai oleh sebilangan besar rakyat. Lantaran itu, ingatan Perdana Menteri supaya kemerdekaan kita disayangi, dihargai, dilindungi dan dipelihara, wajar disematkan dalam setiap diri yang berbangga mendiami negara bertuah ini. Generasi pasca merdeka tidak mempunyai sebarang alasan untuk memperjudikan segala nikmat dan kebahagiaan yang dikecapi hasil kebebasan dan kemerdekaan sepanjang 45 tahun ini. Dengan kemerdekaanlah, Malaysia dapat menegakkan maruah bangsa. Menerusi kemerdekaanlah, segala usaha pembangunan dapat dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Sesungguhnya, kemerdekaan tanpa kestabilan ekonomi dan politik tidak memberi apa-apa makna. Malaysia bukan saja merdeka tetapi keselamatan rakyat terus dilindungi. Inilah kelebihan kemerdekaan di Malaysia berbanding di sesetengah negara lain. Walaupun mereka merdeka, kehidupan rakyatnya masih dikongkong akibat rakyat berpecah belah. Sesetengahnya, walaupun memiliki status bebas dan merdeka, segala percaturan politik dan ekonomi ditentukan oleh kuasa penjajah. Apa pun, rakyat negara ini masih belum bebas sepenuhnya daripada ancaman kuasa penjajah. Kesilapan yang berpunca daripada kealpaan, keghairahan mempelopori budaya pemberontakan yang diimport dari negara kuasa penjajah, boleh menyebabkan rakyat terjerumus ke lembah hina semula.

Malaysia hanya akan kekal berdaulat dan kuat sekiranya rakyatnya bersatu padu dan produktif. Sebaliknya, Malaysia yang lemah akibat perpecahan dan ketegangan kaum, akan terdedah kepada pelbagai serangan kuasa asing. Musuh negara, sama ada secara terang atau tersembunyi, akan menggunakan apa saja, daripada globalisasi hinggalah kepada soal hak asasi, untuk mengenakan tekanan yang kesudahannya nanti akan membuatkan negara ini bukan saja tidak banyak berbeza dengan ketika dijajah, malah mungkin lebih buruk lagi. Sambil ulang tahun kemerdekaan negara disambut, inilah kesedaran yang harus disematkan di kalangan rakyat. Apa juga perbezaan latar belakang agama, keturunan mahupun fahaman politik tidak harus sama sekali dibiarkan menggugat kestabilan negara. Hanya dengan cara demikian, kemerdekaan akan lebih disyukuri dan pengisiannya dimanfaatkan.

Sesungguhnya 31 Ogos setiap tahun adalah tanggal keramat. Namun, pada masa akan datang, tidak ada jaminan tarikh itu mampu menyemarakkan lagi perhimpunan raksasa seperti dirayakan secara berterusan sejak 45 tahun lalu. Apabila negara dijajah semula, apabila pemikiran rakyat ditanam

dengan sifat pemberontakan, penentangan dan kebencian, maka lunturlah segala impian untuk menegakkan sebuah negara yang bermaruah dan berdaulat. Memberontak, menentang dan membenci kerajaan tidak ada bezanya dengan menghina kemerdekaan negara. Ia adalah sikap yang memberi laluan kepada penjajah untuk menjajah semula negara ini. Kerana itu, semua kaum harus sedia mengorbankan sedikit kepentingan kaum masing-masing dalam memastikan nikmat kemerdekaan ini dapat terus dipertahan dan dipertingkatkan.